

27.4.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **PBAPP LANCAR INISIATIF PENGEBILAN AIR “TANPA KONTAK”**

- **Pembaca meter PBAPP menghantar bil anggaran ke peti-peti surat.**
- **“Pengebilan tanpa kontak” sebagai menyokong penjarakan sosial.**
- **Pilihan terbaik dan paling selamat bagi pengguna-pengguna air adalah dengan membayar secara dalam talian, melalui aplikasi “myPBA” atau JomPAY (Kod Pengebil: 50385).**

PULAU PINANG, Isnin, 27.4.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah mula mengeluarkan “bil air anggaran” bagi perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Amaun yang perlu dibayar untuk bil air anggaran ini berdasarkan rekod pengebilan pengguna masing-masing.

Sejak 21.3.2020, operasi pembacaan meter di Pulau Pinang dihentikan sementara bagi menyokong usaha penjarakan sosial bagi melawan COVID-19.

Oleh itu, pembaca meter PBAPP telah mula menyampaikan bil anggaran ke premis di Pulau Pinang. Harap maklum bahawa **ini adalah inisiatif “pengebilan tanpa kontak”**. Pembaca meter kami dengan pantas akan meletakkan bil di peti surat dan beralih ke premis seterusnya, untuk meminimumkan kontak. Mereka tidak akan memasuki mana-mana premis pun atau menghubungi orang lain di premis tersebut.

Pengguna air disarankan untuk memeriksa peti surat mereka dalam beberapa hari akan datang untuk mendapatkan bil air mereka.

**Pembayaran secara DALAM TALIAN adalah pilihan terbaik untuk membayar bil air Pulau Pinang**

Rakyat Pulau Pinang dinasihatkan untuk terus duduk di rumah untuk pastikan selamat sepanjang Fasa 4 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (29.4.2020 hingga 12.5.2020).

Oleh itu, pilihan pembayaran dalam talian adalah pilihan terbaik, daripada sudut keselamatan dan kemudahan, untuk membayar bil air di Pulau Pinang.

PBAPP menawarkan dua pilihan kemudahan untuk pembayaran dalam talian:

**1. Aplikasi “myPBA” (bagi pengguna telefon bimbit dan tablet)**

Aplikasi mudah alih “myPBA” boleh dimuat turun dari Apple App Store atau Google Play Store. Pengguna yang mendaftar akaun bil mereka dapat melihat jumlah yang perlu dibayar di aplikasi; dan buat pembayaran dengan segera dengan mengikuti arahan yang ditunjukkan dalam aplikasi.

**2. JomPAY (Kod Pengebil: 50385)**

Pengguna air yang telah menerima salinan bil air mereka juga dapat melakukan pembayaran secara langsung dengan log masuk ke akaun perbankan Internet mereka dan menggunakan kemudahan JomPAY. Kod pengebil JomPAY untuk PBAPP adalah “**50385**”.

Pengguna yang belum menerima salinan bil air mereka juga boleh melihat salinan dalam talian:

- Layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my);
- Klik pada “*Online Services*”;
- Daftar sebagai pengguna;
- Klik pada “*View Bill*”; dan
- Masukkan butiran yang diperlukan untuk melihat paparan bil.

**Pilihan pembayaran TUNAI**

Pengguna yang tidak mempunyai akses perbankan Internet boleh membayar bil air Pulau Pinang mereka, secara tunai, di 9 Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP, yang akan dibuka semula mulai 29.4.2020. Pusat-pusat ini akan dibuka dari jam **9.00 pagi – 1.00 tengah hari, dari Isnin hingga Jumaat:**

- Komtar;
- Balik Pulau;
- Bayan Baru;
- Bukit Mertajam;
- Jawi;
- Kepala Batas;
- Kompleks Perai;
- Rifle Range; dan
- Taman Selat.

Pembayaran tunai boleh juga dibuat di Pos Malaysia, kiosk *Paylink*, ATM Bank dan agensi kutipan yang dilantik seperti *Happy Mart*.

PBAPP ingin menasihati pengguna air agar mematuhi peraturan penjarakan sosial ketika melakukan pembayaran tunai.

PBAPP tetap dengan keputusan untuk tidak melakukan pengapitan meter atau pemotongan bekalan air sepanjang Fasa 4 PKP (29.4.2020 – 12.5.2020). Kami melakukan ini untuk menyokong sepenuhnya perjuangan Pulau Pinang menentang COVID-19. Tujuan kami adalah untuk memastikan keluarga yang tinggal di Pulau Pinang kekal selamat ketika mereka duduk di rumah.

Walaupun begitu, kami memohon kerjasama pengguna air Pulau Pinang untuk membayar bil air mereka tepat pada waktu, untuk mengelakkan salah faham setelah PKP tamat.

Selain itu, PBAPP mesti menguruskan aliran tunai dengan cekap agar dapat terus memberi tumpuan memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan kepada 631,250 pengguna air berdaftar.

Untuk informasi atau bantuan untuk bil air Pulau Pinang, sila hubungi Pusat Panggilan 24-jam PBAPP (no. tel: 04 255 8 255).

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
*Meeting all your water supply needs*

Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)